

26 JUN 2001

PNB-ASD

ASD KINI KUMPUL RM68 JUTA

MELAKA, 26 Jun (Bernama) -- Amanah Saham Didik (ASD), satu lagi saham amanah yang diwujudkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB), kini mengumpul sebanyak RM68 juta sejak ia dilancarkan pada 20 April lepas.

Ketua Eksekutif PNB Datuk Hamad Kama Piah Che Othman berkata walaupun jumlah itu masih rendah berbanding dana yang disediakan iaitu RM300 juta, PNB yakin ia akan meningkat dari semasa ke semasa.

"... beri sedikit masa kepada pelabur untuk melabur," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran ASD peringkat negeri Melaka yang dilaksanakan oleh Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam, di sini hari ini.

ASD merupakan saham amanah yang ketujuh diwujudkan oleh PNB dan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 di Kota Bharu.

Terdahulu semasa berucap, Hamad berkata ASD merupakan satu lagi alternatif kepada pelabur untuk memilih mana satu unit pelaburan saham amanah yang ditawarkan oleh PNB selain Amanah Saham Nasional (ASN), ASN 2, Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan lain-lain.

Menurutnya apa yang ditawarkan oleh ASD turut berbeza daripada unit-unit saham amanah yang lain kerana ia membolehkan kanak-kanak berumur seawal enam bulan sehingga 17 tahun untuk melabur.

"Sedangkan saham-saham amanah yang lain tidak dibuka kepada pelabur di peringkat umur kurang daripada 18 tahun," katanya.

Hamad berkata selain itu, ASD berkonsepkan seperti simpanan dalam bank yang boleh diambil pada bila-bila masa selain memberikan pulangan dividen yang lebih baik.

Mengenai perkembangan saham-saham amanah yang lain, beliau berkata setakat ini sebanyak RM36 bilion berjaya dikumpul daripada tujuh saham amanah yang diwujudkan oleh PNB.

Daripada jumlah yang dikumpul itu sebanyak RM4 bilion adalah pelaburan daripada bukan bumiputera yang melabur dalam saham-saham amanah yang terbuka untuk semua rakyat Malaysia, katanya.

Beliau berkata PNB memberi pilihan kepada pelabur untuk melabur mana-mana saham amanah yang ditawarkan iaitu bagi mereka yang inginkan risiko boleh melabur dalam ASN dan ASN 2 manakala yang tidak mahu menghadapi risiko, mereka boleh melabur di ASB, Amanah Saham Wawasan (ASW2020), ASD dan sebagainya.

Menurutnya PNB dari semasa ke semasa mencuba pelbagai produk bagi memberikan lebih banyak lagi alternatif kepada pelabur dalam usaha menggalakkan rakyat Malaysia melabur dalam unit-unit saham amanah yang ditawarkan. -- BERNAMA

SBS JR